

02 MAY 1999

Azizah-Nama

PM DIMINTA SEGERA DEDAHKAN NAMA PEMIMPIN DAN KRONI

KOTA BAHARU, 2 Mei (Bernama) -- Presiden Parti Keadilan Nasional (KeADILan) Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad segera mendedahkan nama bekas pemimpin negara yang menyalahgunakan kuasa untuk memberi kekayaan sehingga RM230 juta kepada kroninya.

Beliau berkata adalah lebih baik bagi Perdana Menteri mendedahkan nama pemimpin dan kroni terbabit supaya dapat diketahui umum.

"Ini tak tahu siapa...kalau Perdana Menteri tak sebut nama, elok dia sebut nama," katanya kepada pemberita selepas berucap dalam satu pertemuan dengan penyokong-penyokong KeADILan di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri mendedahkan mengenai perbuatan seorang bekas pemimpin negara menyalahgunakan kuasa dengan memberi kekayaan sehingga RM230 juta kepada kroni-kroninya.

Dr Mahathir berkata kawan pemimpin tersebut yang sebelum ini hanya orang biasa dan tidak mempunyai banyak harta, kini menjadi seorang jutawan.

Ketika ditanya kemungkinan kenyataan Perdana Menteri itu ada kaitan dengan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Dr Wan Azizah berkata : "Saya dah kata awak boleh semak masa dia jadi menteri kewangan,".

Mengenai dakwaan pelbagai pihak bahawa pakatan empat parti pembangkang iaitu Pas, DAP, KeADILan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) tidak akan berjaya antara lain kerana berlainan ideologi, Dr Wan Azizah berkata setakat ini beliau melihat pakatan itu berjalan dengan lancar.

"Saya lihat setakat ini ada kerjasama dan diskusi...Inshaallah berjaya," katanya.

Ketika berucap pada majlis itu Dr Wan Azizah berkata kerjasama antara parti-parti pembangkang amat diperlukan untuk menubuhkan sebuah kerajaan selepas menubuhkan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum kelak.

"Kalau kita bersatu padu, pakatan kita akan menjadi teguh," katanya.

Semalam, beliau bersama Ketua Penerangan KeADILan Ruslan Kassim, Pengarah AKRAB Datuk Dr Hassan Ali dan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat turut berucap dalam ceramah politik di Stadium Sultan Mohamed ke IV di sini yang dihadiri kira-kira 40,000 orang.

-- BERNAMA

BD LAT